

BAB VII

KESIMPULAN DAN PENEMUAN KAJIAN

A. Pendahuluan

Bab VII ini akan mengemukakan satu rumusan secara keseluruhan daripada hasil-hasil pengujian hipotesis-hipotesis pada bab I yang dilakukan ke atas MPKT dan MDB sepanjang tempoh kajian bermula pada tahun 1994, 1995, 1996, 1997 dan tahun anggaran 1998. Ia dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian pertama mengenai hasil pengujian hipotesis, kedua mengenai rumusan aspek pendapatan pihak majlis, ketiga rumusan persamaan dan perbezaan aspek perbelanjaan pihak majlis, keempat cadangan-cadangan untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan MPKT dan MDB, dan akhir sekali mengenai masa depan MPKT dan MDB.

B. Hasil Pengujian Hipotesis

1. Hipotesis Peringkat Pertama

Hipotesis 1.1 menyatakan MPKT dan MDB adalah bergantung kepada **Hasil Cukai** sebagai punca pendapatan utama. Maka hipotesis 1.1 tersebut adalah ditolak kerana kajian mendapati hanya MPKT bergantung kepada Hasil Cukai sebagai punca pendapatan utama, MDB bergantung kepada

Hasil Bukan Cukai sebagai punca pendapatan utama dan bukannya dari Hasil Cukai.

Hipotesis 1.2 menyatakan komponen **Cukai Pintu** adalah penyumbang utama pendapatan dalam kategori Hasil Cukai MPKT dan MDB. Hipotesis ini juga ditolak kerana kajian menunjukkan hanya pihak berkuasa tempatan MDB sahaja bergantung kepada Cukai Pintu sebagai penyumbang utama dalam pendapatan katogeri Hasil Cukai, sedangkan di MPKT Cukai Pintu bukanlah penyumbang utama dalam katogeri Hasil Cukai.

Ini adalah kerana diramalkan Caruman Bantu Kadar pada tahun 1998 adalah lebih tinggi daripada hasil Cukai Pintu disebabkan bayaran tunggakan sekaligus dari tahun-tahun sebelumnya. MPKT adalah merupakan kawasan perbandaran yang mempunyai lebih banyak aset kerajaan atau agensi-agensi kerajaan maka jumlah Caruman Bantu Kadar adalah tinggi.

Hipotesis 1.3 menyatakan **Geran Kerajaan Persekutuan** yang diterima adalah lebih besar berbanding dengan Geran Kerajaan Negeri di MPKT dan MDB. Hipotesis ini adalah tidak benar kerana kajian menunjukkan di kedua-dua pihak berkuasa tempatan Geran Kerajaan Persekutuan adalah lebih kecil daripada Geran Kerajaan Negeri.

Hipotesis 1.4 menyatakan komponen **Lesen dan Permit** adalah paling banyak menyumbangkan pendapatan dalam katogeri Hasil Bukan Cukai di MPKT dan MDB. Hipotesis 1.4 ini adalah tidak benar kerana kajian menunjukkan di kedua-dua pihak berkuasa tempatan, pendapatan dari Lesen dan Permit bukanlah paling besar menyumbangkan pendapatan dalam katogeri Hasil Bukan Cukai. Sumbangan terbesar Hasil Bukan Cukai datangnya dari komponen Sewaan.

Hipotesis 1.5 menyatakan komponen **Sewaan** adalah berada dalam kedudukan kedua paling banyak menyumbangkan pendapatan dalam katogeri Hasil Bukan Cukai kepada MPKT dan MDB. Hipotesis 1.5 ini adalah tidak benar kerana kajian mendapati bahawa komponen Sewaan merupakan penyumbang terbesar kepada katogeri Hasil Bukan Cukai di kedua-dua pihak berkuasa tempatan.

Hipotesisi 1.6 menyatakan **Terimaan Bukan Hasil** merupakan katogeri terbesar menyumbangkan pendapatan di MPKT dan MDB. Hipotesis ini adalah tidak benar kerana kajian membuktikan hanya di MDB sahaja Terimaan Bukan Hasil merupakan katogeri terbesar menyumbangkan pendapatan pada tiap-tiap tahun kajian, tetapi bagi pihak berkuasa tempatan MPKT ianya datang dari Hasil cukai.

Hipotesis 1.7 menyatakan **pendapatan keseluruhan** jumlah hasil adalah semakin bertambah pada tahun-tahun kajian di MPKT dan MDB. Hipotesis ini adalah ditolak kerana kajian menunjukkan hanya di pihak berkuasa tempatan MPKT sahaja terdapat kenaikan dalam pendapatan sepanjang tahun kajian tetapi MDB menunjukkan pola pendapatan yang turun naik.

Hipotesis 1.8 menyatakan anggaran untuk tahun 1998 menunjukkan berlakunya pertambahan hasil dari semua sumber pendapatan. Hipotesis ini tidak benar kerana kajian menunjukkan hanya di MDB sahaja semua punca pendapatan dijangka meningkat iaitu dari Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Keadaan ini tidak berlaku di MPKT kerana dianggarkan berlaku penurunan dalam Terimaan Bukan Hasil pada tahun 1998.

2. Hipotesis Peringkat kedua

Hipotesis 2.1 menyatakan kategori **Emoluman** merupakan perbelanjaan yang terbesar dilakukan oleh MPKT dan MDB. Hipotesis ini diterima kerana kajian menunjukkan Emolumen merupakan perbelanjaan terbesar dilakukan di kedua-dua buah pihak berkuasa tempatan MPKT dan MDB.

Hipotesis 2.2 menyatakan komponen **Gaji dan Upah** adalah perbelanjaan yang terbesar dalam katogeri Emolumen. Hipotesis ini adalah benar kerana hasil kajian telah membuktikan Gaji dan Upah adalah perbelanjaan terbesar dalam katogeri Emolumen.

Hipotesis 2.3 menyatakan katogeri **Perkhidmatan dan Bekalan** merupakan perbelanjaan kedua terbesar di MPKT dan MDB. Hipotesis ini ditolak kerana kajian menunjukkan hanya di MDB Katogeri Perkhidmatan dan Bekalan merupakan perbelanjaan kedua terbesar tetapi tidak benar bagi pihak berkuasa tempatan MPKT. Ini kerana pada tahun 1994 dan 1995 perbelanjaan kepada Lain-lain perbelanjaan adalah di tempat kedua.

3. Hipotesis Peringkat Ketiga

Hipotesis 3.1 menyatakan MPKT dan MDB mempunyai **Kurangan** dalam perbelanjaannya di sepanjang tempoh kajian. Hipotesis ini ditolak kerana kajian yang dijalankan menunjukkan hanya di MPKT mempunyai kurangan dalam perbelanjaan di sepanjang tahun kajian. Keadaan ini tidak berlaku kepada pihak berkuasa tempatan MDB kerana terdapat Lebihan dalam perbelanjaan pada tahun 1995.

Hipotesis 3.2 menyatakan MPKT mempunyai kedudukan **pendapatan** yang lebih baik berbanding dengan MDB di sepanjang tahun kajian.

Kenyataan ini adalah benar kerana kajian menunjukkan memang MPKT mempunyai kedudukan kewangan yang lebih baik. Ini dilihat dari pola pendapatan yang selalu meningkat berbanding dengan pihak berkuasa tempatan MDB. Jelas sekali pendapatan yang diterima oleh MPKT semakin positif dari setahun ke setahun.

Hipotesis 3.3 menyatakan MPKT mempunyai kedudukan **Hasil Cukai** yang lebih baik berbanding dengan MDB. Hipotesis ini adalah tidak benar kerana terdapat penurunan di MPKT pada tahun 1996 manakala bagi MDB ia menunjukkan peningkatan sepanjang tempoh kajian.

Hipotesis 3.4 menyatakan MPKT mempunyai kedudukan **Cukai Pintu** yang lebih baik berbanding dengan MDB sepanjang tempoh kajian. Hipotesis ini juga tidak benar kerana dari hasil kajian jelas MDB mempunyai kedudukan prestasi yang baik berbanding dengan terdapatnya penurunan di MPKT pada tahun 1997.

Hipotesis 3.5 menyatakan MPKT mempunyai **Caruman Bantu Kadar** yang lebih baik berbanding dengan MDB di sepanjang tahun kajian. Ini benar kerana selain dari jumlah yang tinggi ia menyumbangkan hasil di sepanjang tempoh kajian.

Hipotesis 3.6 menyatakan MPKT mempunyai kedudukan **Hasil Bukan Cukai** yang lebih baik berbanding dengan MDB sepanjang tempoh kajian. Hipotesis ini adalah diterima kerana kajian menunjukkan memang MPKT memperoleh Hasil Bukan Cukai yang lebih baik dari MDB. MPKT mempunyai hasil cukai yang lebih stabil berbanding dengan pihak berkuasa tempatan yang kecil seperti MDB.

Hipotesis 3.7 menyatakan MPKT mempunyai kedudukan hasil **Sewaan** yang lebih baik berbanding dengan MDB sepanjang tahun kajian. Hipotesis ini adalah tidak benar kerana kajian menunjukkan komponen sewaan adalah lebih positif di MDB berbanding dengan MPKT di mana di MPKT terdapat anggaran yang menurun pada tahun 1998.

- Hipotesis 3.8 menyatakan MPKT mempunyai kedudukan **Terimaan Bukan Hasil** yang lebih baik berbanding dengan MDB di sepanjang tempoh kajian. Hipotesis ini ditolak kerana berbanding dengan MDB, kajian menunjukkan di MPKT ia semakin menurun dan terdapat turunkan yang tidak stabil.

Hipotesis 3.9 menyatakan MPKT mempunyai kedudukan **Geran Kerajaan Negeri** yang lebih baik berbanding dengan MDB di sepanjang tempoh kajian. Hipotesis ini ditolak kerana kajian menunjukkan tiada geran yang diterima pada tahun 1997 dan untuk tahun 1988 di MPKT.

Sedangkan MDB menerima geran tersebut sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Hipotesis 3.10 menyatakan MPKT mempunyai **Geran Kerajaan Persekutuan** yang lebih stabil berbanding dengan MDB di sepanjang tahun-tahun kajian. Ia adalah tidak benar kerana kajian menunjukkan keadaan pemberian geran adalah lebih stabil di MDB.

Hipotesis 3.11 menyatakan MPKT mengalami peningkatan **perbelanjaan** di sepanjang tahun kajian berbanding dengan MDB. Hipotesis ini diterima kerana memang benar terdapat peningkatan perbelanjaan MPKT berbanding dengan MDB yang mengalami pola yang turun naik.

- Hipotesis 3.12 menyatakan MPKT mengalami pola meningkat di dalam perbelanjaan **Emolumen** yang lebih ketara berbanding dengan MDB di sepanjang tahun kajian. Hipotesis ini tidak dapat diterima kerana terdapat pola aliran yang sama dalam corak perbelanjaan di sepanjang tempoh kajian.

Hipotesis 3.13 menyatakan MPKT mengalami pola meningkat di dalam perbelanjaan **Gaji dan Upah** yang lebih ketara berbanding dengan MDB di sepanjang tempoh kajian. Hipotesis ini juga ditolak kerana kajian menunjukkan pola turun-naik yang lebih ketara di MDB.

Hipotesis 3.14 menyatakan MPKT mengalami peningkatan perbelanjaan di dalam **Perkhidmatan dan Bekalan** di sepanjang tahun berbanding dengan MDB. Hipotesis ini benar kerana di MDB terdapat pola yang lebih tidak stabil.

Hipotesis 3.15 menyatakan MPKT mengalami perbelanjaan **Sewaan** yang lebih besar berbanding dengan MDB di sepanjang tahun kajian. Hipotesis ini diterima kerana kajian menunjukkan perbelanjaan untuk sewaan tidak banyak dilakukan di MDB dan jumlahnya juga jauh lebih kecil. Tiada perbelanjaan sewaan pada tahun 1994 dan 1997 di MDB tetapi terdapat perbelanjaan untuk sewaan di MPKT di sepanjang tempoh kajian.

Hipotesis 3.16 menyatakan MPKT mengalami peningkatan perbelanjaan **Bekalan dan Bahan-bahan** yang lebih besar berbanding dengan MDB. Hipotesis ini adalah tidak benar kerana kajian menunjukkan berlaku pola yang hampir sama iaitu naik-turun di kedua-dua pihak berkuasa tempatan.

Hipotesis 3.17 menyatakan MPKT mengalami peningkatan perbelanjaan **Perkhidmatan Iktisas** di sepanjang tahun kajian berbanding dengan MDB. Hipotesis ini diterima kerana kajian menunjukkan keadaan di MDB adalah lebih tidak konsisten.

Hipotesis 3.18 menyatakan MPKT mengalami peningkatan perbelanjaan **Pemberian dan Kenaan Tetap** yang lebih besar berbanding dengan MDB. Hipotesis ini ditolak kerana kajian menunjukkan kedua-dua mempunyai pola yang hampir sama.

Hipotesis 3.19 menyatakan MPKT mengalami peningkatan perbelanjaan **Bayaran Pindahan** yang lebih besar berbanding dengan MDB. Hipotesis ini ditolak kerana terdapat pola yang hampir sama di kedua pihak berkuasa tempatan.

Hipotesis 3.20 menyatakan MPKT mengalami peningkatan perbelanjaan **Faedah, Dividen dan Lain-lain** yang lebih ketara berbanding dengan MDB. Hipotesis ini diterima kerana kajian menunjukkan tiada perbelanjaan untuk faedah, dividen dan lain-lain perbelanjaan di MDB kecuali untuk tahun anggaran 1998.

Hipotesis 3.21 menyatakan MPKT mengalami peningkatan perbelanjaan **Lain-lain Perbelanjaan** yang lebih ketara berbanding dengan MDB. Hipotesis ini ditolak kerana kajian menunjukkan MDB mempunyai pola yang lebih tidak konsisten.

Hipotesis 3.22 menyatakan terdapat **kurangan** di dalam MPKT dan MDB pada tahun-tahun kajian. Hipotesis ini adalah benar kerana kajian

menunjukkan sepanjang tahun-tahun kajian ada terdapat kurangan di MPKT dan MDB.

Hipotesis 3.23 menyatakan MPKT dan MDB menghadapi isu kewangan yang sama walaupun mempunyai saiz dan status yang berbeza. Hipotesis ini adalah benar kerana hasil kajian menunjukkan kedua-dua pihak berkuasa tempatan menghadapi masalah sumber hasil yang lebih kecil berbanding dengan perbelanjaan.

C. Rumusan Persamaan dan Perbezaan Pendapatan MPKT Dan MDB

Kajian-kajian yang dilakukan pada bab-bab terdahulu telah memperlihatkan terdapat beberapa persamaan dalam aspek pendapatan MPKT dan MDB.

- Kedua-dua kerajaan tempatan menunjukkan terdapatnya peningkatan hasil kutipan pada tahun terakhir kajian iaitu pada tahun 1998, jika dibandingkan dengan tahun pertama kajian, iaitu tahun 1994. Jumlah anggaran pendapatan bagi kedua-dua kerajaan tempatan bagi tahun 1998 juga menunjukkan persamaan iaitu mencapai nilai kutipan yang tertinggi sepanjang tempoh kajian.

Walaupun bagaimanapun kajian juga memperlihatkan terdapatnya perbezaan yang besar dari segi jumlah kutipan pendapatan pada tahun-tahun kajian di antara kedua kerajaan tempatan. Bersesuaian dengan keluasan kawasan dan

jumlah penduduk di MPKT, kajian mendapati jumlah pendapatan yang diterima oleh MPKT adalah lebih besar berbanding dengan MDB di sepanjang tahun-tahun kajian.

Kajian juga mendapati MPKT mempunyai pola aliran sumber pendapatan yang lebih stabil iaitu terdapat peningkatan kutipan pada tiap-tiap tahun kajian, berbanding dengan pola turun-naik yang dimiliki oleh MDB. Ini bermakna sesebuah kerajaan tempatan yang lebih kecil berkemungkinan mempunyai pola atau jumlah kutipan yang lebih tidak stabil berbanding dengan sebuah kerajaan tempatan yang besar seperti MPKT.

1. Hasil Cukai

Kajian menunjukkan terdapat persamaan dari segi jumlah kutipan Hasil Cukai pada tahun anggaran 1998. Di kedua-dua kerajaan tempatan dianggarkan akan memperolehi jumlah kutipan yang tertinggi berbanding dengan kutipan di sepanjang tempoh kajian iaitu dari tahun 1994 hingga 1997.

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan dari segi jumlah hasil cukai di mana jumlah kutipan hasil cukai di MPKT adalah jauh besar berbanding dengan jumlah hasil cukai yang diperolehi oleh MDB. Jumlah Hasil Cukai yang kecil menggambarkan operasi yang terhad dan kecil di MDB dalam saiz kutipan cukai yang dimiliki.

1.1. Cukai Pintu

Terdapat persamaan dari segi kedudukan komponen hasil Cukai Pintu di dalam katogeri Hasil Cukai di kedua-dua kerajaan tempatan. Perbandingan yang dilakukan menunjukkan komponen Cukai Pintu merupakan komponen terpenting di dalam menyumbangkan pendapatan kepada katogeri Hasil Cukai berbanding dengan Caruman Bantu Kadar.

Walau bagaimanapun kajian mendapati pola aliran kutipan dari tahun ke setahun adalah lebih stabil di MDB, di mana ia memperlihatkan peningkatan yang positif berbanding dengan kutipan yang turun-naik di MPKT.

- ✓ Hasil kajian menunjukkan walaupun MDB merupakan sebuah kerajaan tempatan yang kecil berbanding dengan MPKT tetapi terbukti ia mempunyai peningkatan yang positif dalam kutipan Cukai Pintu dari tahun ke setahun berbanding dengan MPKT yang mengalami penurunan bermula dari tahun kedua kajian. Walau bagaimanapun kajian juga menunjukkan terdapat kenaikan dalam hasil pada tahun anggaran 1998 di MPKT.

1.2 Caruman Bantu Kadar

Kajian menunjukkan tiada ciri-ciri persamaan di antara MPKT dan MDB di dalam Komponen Caruman Bantu Kadar kecuali ia merupakan komponen ke dua terpenting dalam menyumbangkan hasil dari katogeri hasil cukai.

Perbezaan yang nyata ialah hasil Caruman Bantu Kadar di MPKT menunjukkan jumlah yang jauh lebih besar berbanding dengan MDB. MDB hanya memperolehi hasil Caruman Bantu Kadar dalam jumlah yang rendah dan data juga menunjukkan tiada hasil dari Caruman Bantu Kadar pada tahun 1996. Sedangkan di MPKT hasil adalah diperolehi pada tiap-tiap tahun kajian.

• 2. Hasil Bukan Cukai

Kajian memperlihatkan terdapat persamaan di dalam pendapatan Hasil Bukan Cukai di kedua-dua kerajaan tempatan. Di mana sepanjang tahun kajian didapati terdapat peningkatan dalam jumlah Hasil Bukan Cukai pada tahun anggaran 1998 berbanding dengan jumlah pendapatan pada tahun pertama kajian iaitu pada tahun 1994.

Walaupun begitu terdapat perbezaan jumlah nilai kutipan Hasil Bukan Cukai yang besar di antara kedua-dua kerajaan tempatan sepanjang tempoh kajian iaitu terdapat kutipan yang lebih besar di MPKT.

Pola aliran jumlah pendapatan yang diperolehi dari tahun-tahun kajian juga menunjukkan perbezaan yang nyata, iaitu terdapat peningkatan sumber Hasil Bukan Cukai yang positif bagi MPKT dari tahun 1994 hingga 1997 tetapi terdapat pola turun-naik bagi jumlah kutipan Hasil Bukan Cukai di MDB pada tahun 1995.

Dari segi anggaran pendapatan dari sumber Hasil Bukan Cukai pada tahun 1998, ia memperlihatkan perbezaan di mana MPKT menunjukkan terdapat penurunan manakala bagi MDB terdapat kenaikan dalam hasil tersebut pada tahun 1998.

Secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan dari Hasil Bukan Cukai di kedua-dua kerajaan tempatan walaupun terdapat perbezaan jumlah kutipan anggaran untuk tahun 1998.

2.1. Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang nyata dari komponen Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan di antara MPKT dan MDB. Selain daripada nilai jumlah kutipan yang jauh berbeza, kajian juga memperlihatkan perbezaan dalam pola aliran jumlah pendapatan yang dikutip di sepanjang tahun kajian.

Terdapat peningkatan yang lebih positif di sepanjang tempoh kajian bagi MPKT tetapi terdapat pola turun-naik yang ketara di dalam kutipan hasil Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan di MDB pada tempoh kajian yang sama.

Kajian juga mendapati komponen Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan menduduki tempat kedua di dalam pendapatan Hasil Bukan Cukai di MPKT berbanding menduduki tempat ke tiga di MDB.

2.2. Sewaan

Hasil kajian menunjukkan terdapat persamaan dari komponen Sewaan di kedua-dua kerajaan tempatan, di mana ia merupakan komponen paling teratas dan terpenting di dalam menyumbangkan pendapatan kepada pihak Majlis dari segi kutipan Hasil Bukan Cukai di sepanjang kajian.

Perbandingan dari segi jumlah kutipan hasil, didapati kutipan hasil Sewaan adalah lebih tinggi di MPKT berbanding dengan MDB. Dari segi pola kutipan sumber hasil Sewaan di sepanjang kajian menunjukkan peningkatan yang lebih positif di MDB kerana terdapat peningkatan semenjak tahun kedua kajian sehingga tahun anggaran

1998. Manakala terdapat penurunan dalam jumlah pendapatan dari hasil Sewaan di MPKT bagi tahun anggaran 1998.

Kesimpulan yang dapati dibuat ialah kajian menunjukkan komponen Sewaan merupakan komponen yang penting di dalam menyumbangkan pendapatan di kedua-dua kerajaan tempatan.

3. Terimaan Bukan Hasil

Hasil kajian menunjukkan terdapatnya perbezaan yang besar di antara jumlah pendapatan dari Terimaan Bukan Hasil di antara MPKT dan MDB. Jumlah pendapatan dari Terimaan Bukan Hasil Bagi MPKT adalah lebih besar berbanding dengan MDB.

- Di sepanjang tempoh tahun-tahun kajian, MPKT memperlihatkan penurunan dari segi jumlah pendapatan yang diterima iaitu mulai tahun 1996 telah menurun pada tahun 1997 dan dianggarkan terus menurun pada tahun anggaran 1998. Manakala bagi MDB terdapat pola yang lebih tidak kosistan iaitu terdapat turun naik di sepanjang tempoh kajian.

Bagi keseluruhan pendapatan kepada kedua-dua kerajaan tempatan, kajian mendapati jumlah Terimaan Bukan Hasil merupakan komponen yang terbesar bagi keseluruhan jumlah pendapatan MDB manakala ia hanya merupakan jumlah komponen kedua terbesar di MPKT.

Dapat disimpulkan daripada hasil kajian mendapati sesebuah kerajaan tempatan yang besar seperti MPKT mempunyai pendapatan yang jauh lebih banyak daripada Hasil Cukai berbanding dengan Terimaan Bukan Hasil. Kajian memperlihatkan MPKT tidak terlalu bergantung kepada hasil dari Terimaan Bukan Hasil kerana terdapatnya sumber hasil cukai yang lebih banyak dan luas.

Tetapi bagi MDB yang merupakan sebuah kerajaan tempatan yang lebih kecil ia adalah sangat bergantung kepada Terimaan Bukan Hasil sebagai punca pendapatan yang penting bersama-sama Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai.

3.1. Geran Kerajaan Negeri

Kajian menunjukkan jumlah Geran Kerajaan Negeri yang diterima oleh MPKT adalah lebih besar daripada MDB hanya pada tiga tahun kajian pertama. Selepas itu tiada geran diberikan kepada MPKT bagi tahun 1997 dan begitu juga adalah dianggarkan ia tidak akan diberikan pada tahun anggaran 1998.

Manakala di MDB terdapat pemberian Geran Kerajaan Negeri yang berterusan di sepanjang tempoh tahun-tahun kajian, walau bagaimanapun kajian menunjukkan terdapat sedikit penurunan dalam

nilai yang diberi pada tahun 1997 sebelum dianggarkan meningkat kembali pada tahun anggaran 1998.

Dapatlah disimpulkan bahawa sebagai 'bantuan' yang tidak tetap di MPKT komponen ini masih merupakan komponen yang terpenting. Ini kerana pendapatan Terimaan Bukan Hasil dari Geran Kerajaan Negeri adalah paling tinggi berbanding dengan komponen geran yang diterima dari kerajaan persekutuan.

Hasil kajian mendapati adalah wajar sekali bagi sesebuah kerajaan tempatan yang kecil seperti MDB menerima bantuan yang berterusan. Ini adalah kerana sebagai sebuah kerajaan tempatan yang kecil sumber hasil yang dimiliki adalah kecil dan ini menjadikan mereka amat bergantung kepada bantuan tersebut.

Di sini kita dapat melihat peranan yang dimainkan oleh kerajaan negeri adalah positif iaitu memberikan keadilan dari segi hak sumbangan bantuan.

3.2. Geran Kerajaan Persekutuan.

Hasil kajian menunjukkan jumlah Geran Kerajaan Persekutuan yang diberikan kepada MPKT adalah lebih besar berbanding dengan MDB di sepanjang tempoh kajian.

Terdapat pemberian dengan jumlah yang tetap di MPKT pada tahun 1994, 1995 dan 1996 dan menurun untuk tahun 1997 dan dianggarkan meningkat kembali pada tahun 1998. Manakala bagi MDB pemberian dengan jumlah yang tetap hanya dilakukan pada tahun 1994 dan 1995 dan terdapat sedikit kenaikan bagi tahun 1996 dan kembali menerima pendapatan yang tetap pada tahun 1997, sebelum dianggarkan akan mendapat jumlah yang lebih kurang sama pada tahun 1998.

Dapatlah kita simpulkan corak pemberian daripada kerajaan persekutuan adalah lebih kurang sama kepada di kedua kerajaan tempatan walaupun jumlahnya berbeza.

D: Rumusan Persamaan Dan Perbezaan Perbelanjaan MPKT dan MDB

Kajian perbelanjaan yang dilakukan ke atas MPKT dan MDB pada bab-bab yang lalu telah menghasilkan beberapa rumusan mengenai terdapatnya ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara kedua-dua kerajaan tempatan yang dikaji.

Terdapat persamaan dari segi jumlah perbelanjaan yang diramalkan di kedua-dua kerajaan tempatan pada tahun 1998. Jumlah perbelanjaan adalah meningkat dan paling tinggi berbanding dengan jumlah perbelanjaan pada tahun pertama kajian iaitu tahun 1994. Kajian juga menunjukkan jumlah

perbelanjaan yang dilakukan oleh MPKT adalah lebih tinggi berbanding dengan MDB.

Mengenai pola perbelanjaan dari tahun ke setahun, kajian mendapati terdapat pola turun-naik yang ketara di dalam jumlah perbelanjaan MDB berbanding dengan pola yang menaik bagi MPKT di sepanjang tahun-tahun kajian.

Kesimpulan yang dapat dibuat dari kajian ialah sesebuah kerajaan tempatan yang besar seperti MPKT menunjukkan pola perbelanjaan yang sentiasa meningkat dari tahun ke setahun berbanding dengan pola turun naik yang dialami oleh sebuah kerajaan tempatan yang kecil seperti MDB.

1. Emolumen

- Kajian menunjukkan terdapat persamaan di dalam komponen perbelanjaan Emolumen di kedua-dua kerajaan tempatan. Adalah dianggarkan pada tahun 1998 terdapat peningkatan di dalam perbelanjaan Emolumen di kedua-dua kerajaan tempatan. Kajian juga mendapati perbelanjaan terbesar yang dilakukan di kedua-dua kerajaan tempatan ialah pada tahun 1996.

Kajian juga menunjukkan terdapat pola turun-naik yang sama bagi jumlah perbelanjaan Emolumen di kedua-dua kerajaan tempatan MPKT dan MDB. Walau bagaimanapun kajian memperlihatkan MPKT melakukan

perbelanjaan lebih tinggi di sepanjang tahun-tahun kajian berbanding dengan perbelanjaan Emolumen di MDB.

Hasil kajian menunjukkan perbelanjaan Emolumen merupakan perbelanjaan terbesar dilakukan di kedua-dua kerajaan tempatan. Dapatlah disimpulkan perbelanjaan Emolumen adalah perbelanjaan paling besar di sesebuah kerajaan tempatan tanpa mengira status sesebuah kerajaan tempatan yang besar atau sebaliknya.

1.1 Gaji dan Upah

Kajian menunjukkan di kedua-dua kerajaan tempatan perbelanjaan terbesar Emolumen adalah dilakukan kepada pembayaran komponen Gaji dan Upah. Pembayaran yang dilakukan oleh kedua-dua kerajaan tempatan tersebut juga menunjukkan pola turun-naik.

Kajian memperlihatkan jumlah perbelanjaan untuk komponen Gaji dan Upah di MPKT adalah jauh lebih besar berbanding dengan MDB. Sesebuah kerajaan tempatan yang besar seperti MPKT memerlukan perbelanjaan yang besar untuk tujuan pentadbiran kakitangan berbanding dengan sebuah kerajaan tempatan yang kecil seperti MDB.

2. Perkhidmatan dan Bekalan

Terdapat persamaan dari segi kedudukan perbelanjaan komponen Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan di kedua-dua kerajaan tempatan. Ia menunjukkan komponen ini merupakan perbelanjaan kedua terbesar selepas Emolumen di MPKT dan MDB. Namun begitu jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh MPKT ke atas komponen ini adalah lebih tinggi berbanding dengan MDB.

Kajian juga memperlihatkan terdapatnya peningkatan dalam jumlah perbelanjaan komponen Perkhidmatan dan Bekalan pada tahun anggaran 1998 di kedua-dua kerajaan tempatan. Jumlah peningkatan tersebut adalah dijangkakan lebih tinggi berbanding dengan perbelanjaan pada tahun pertama kajian.

Dari segi jumlah perbelanjaan yang dilakukan dari tahun ke setahun, kajian memperlihatkan terdapatnya pola meningkat di sepanjang tahun kajian di MPKT berbanding dengan pola turun-naik di MDB.

Hasil kajian membuktikan bahawa perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan di sesebuah kerajaan tempatan yang besar adalah lebih stabil dan menunjukkan peningkatan berbanding dengan pola yang tidak konsisten di sebuah kerajaan tempatan yang kecil seperti MDB.

2.1. Perkhidmatan Iktisas

Kajian memperlihatkan jumlah perbelanjaan yang akan dilakukan oleh kedua-dua kerajaan tempatan kepada komponen Perkhidmatan Iktisas adalah dianggarkan meningkat bagi tahun 1998. Peningkatan tersebut adalah lebih besar berbanding dengan jumlah perbelanjaan yang dilakukan pada tahun pertama kajian.

Kajian juga memperlihatkan beberapa perbezaan dari segi jumlah perbelanjaan komponen Perkhidmatan Iktisas di kedua-dua Kerajaan Tempatan. Jumlah perbelanjaan komponen Perkhidmatan Iktisas di MPKT adalah lebih tinggi berbanding dengan MDB di sepanjang tempoh kajian dari tahun 1994 hingga tahun anggaran 1998.

Dari segi kedudukan antara komponen-komponen perbelanjaan lain, komponen Perkhidmatan Iktisas merupakan perbelanjaan yang terbesar di MPKT manakala ia merupakan perbelanjaan kedua terbesar di MDB, selepas komponen Bekalan dan Perkhidmatan

Dapatlah kita katakan perbelanjaan kepada Perkhidmatan Iktisas merupakan perbelanjaan yang besar di kedua-dua kerajaan tempatan dalam katogeri Perkhidmatan dan Bekalan.

2.2. Bekalan dan Bahan-bahan

Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang nyata dalam komponen perbelanjaan Bekalan dan Bahan-bahan di kedua-dua kerajaan tempatan. Jumlah perbelanjaan untuk Bekalan dan Bahan-bahan di MPKT adalah lebih besar berbanding MDB sepanjang tahun kajian.

Perbandingan dari segi jumlah perbelanjaan dari tahun-tahun kajian juga memperlihatkan pola yang berbeza. Iaitu terdapat pola peningkatan yang lebih stabil di dalam jumlah perbelanjaan Bekalan dan Bahan-bahan di MPKT berbanding dengan pola turun naik yang ketara di MDB.

Kajian juga memperlihatkan perbelanjaan untuk komponen Bekalan dan Bahan-bahan di MPKT adalah merupakan perbelanjaan ketiga terbesar dalam Perkhidmatan dan Bekalan manakala di MDB ia merupakan komponen terbesar dalam kategori Perkhidmatan dan Bekalan.

Hasil kajian membuktikan perbelanjaan Bekalan dan Bahan-bahan yang dilakukan di sesebuah kerajaan tempatan yang besar adalah lebih terarah menunjukkan peningkatan dan lebih stabil berbanding dengan sesebuah kerajaan tempatan yang kecil.

2.3. Sewaan

Kajian menunjukkan perbelanjaan untuk komponen Sewaan merupakan perbelanjaan yang terkecil dari katogeri Perkhidmatan dan Bekalan di kedua-dua buah kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun kajian memperlihatkan di sepanjang tempoh tahun kajian, jumlah perbelanjaan sewaan yang dilakukan oleh MPKT adalah lebih besar berbanding dengan MDB.

Dari segi jumlah perbelanjaan yang dilakukan di sepanjang tempoh kajian adalah didapati terdapatnya pola turun-naik yang ketara di MPKT, manakala bagi MDB, tiada pola yang tertentu untuk memperlihatkan pemberian tersebut. Ini kerana tiada perbelanjaan untuk sewaan pada tahun 1994 dan 1997. Dan perbelanjaan hanya dibuat pada tahun 1995 dan 1996 dan adalah dianggarkan akan meningkat pada tahun 1998. Jika dibandingkan kepada tiga tahun tersebut ia menunjukkan terdapatnya pola peningkatan.

Dapat disimpulkan perbelanjaan komponen Sewaan hanyalah merupakan perbelanjaan terkecil bagi sesebuah kerajaan tempatan tidak kira sama ada kerajaan tempatan yang besar atau kecil.

3. Pemberian dan Kenaan Tetap

Kajian memperlihatkan terdapatnya penurunan perbelanjaan untuk Pemberian dan Kenaan Tetap di kedua-dua kerajaan tempatan pada tahun 1995, walau bagaimanapun pada tahun 1996 terdapat peningkatan perbelanjaan di MDB sehinggalah kepada tahun anggaran 1998 manakala bagi MPKT terus mengalami penurunan untuk tahun 1996, sebelum meningkat semula hingga tahun anggaran 1998.

Kajian juga memperlihatkan sebagai sebuah kerajaan tempatan yang lebih besar MPKT memperuntukan jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi kepada Pemberian dan Kenaan Tetap di sepanjang tahun-tahun kajian berbanding dengan MDB.

• 3.1. Bayaran Pindahan

Terdapat ciri-ciri persamaan dari segi pola jumlah perbelanjaan yang dilakukan pada tiap-tiap tahun di mana sehingga tahun 1997 ia menunjukkan pola aliran perbelanjaan yang sama.

Kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan jumlah perbelanjaan Bayaran Pindahan yang besar di antara kedua buah kerajaan tempatan di mana jumlah perbelanjaan adalah lebih besar di MPKT berbanding dengan MDB.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah walaupun nilai jumlah perbelanjaan yang dilakukan adalah berbeza namun terdapat pola perbelanjaan yang hampir sama dari segi jumlah perbelanjaan yang dilakukan dari tahun ke setahun kajian.

3.2. Faedah, Dividen dan Lain-lain.

Terdapat perbezaan yang ketara di dalam perbelanjaan untuk komponen Faedah, Dividen dan Lain-lain di kedua-dua kerajaan tempatan.

Kajian juga memperlihatkan jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh MPKT ke atas Faedah, Dividen dan Lain-lain adalah lebih besar dan mencapai angka juta berbanding dengan MDB. Di MDB, kajian mendapati tiada perbelanjaan yang dilakukan kepada Faedah, Dividen dan Lain-lain dari tahun 1994 hingga 1997 namun adalah dianggarkan terdapat perbelanjaan untuk komponen tersebut pada tahun anggaran 1998.

4. Lain-lain Perbelanjaan

Kajian menunjukkan perbelanjaan yang dilakukan kepada lain-lain perbelanjaan di MPKT adalah lebih besar berbanding dengan MDB.

Kajian juga memperlihatkan jumlah perbelanjaan kepada lain-lain Perbelanjaan di MDB adalah lebih tidak kosistan berbanding dengan MPKT. Terdapat turun naik yang ketara di MDB berbanding dengan MPKT.


E: Keseluruhan Pendapatan dan Perbelanjaan di MPKT dan MDB

Hasil kajian yang dijalankan ke atas kedua-dua kerajaan tempatan menunjukkan terdapatnya ciri-ciri persamaan dan perbezaan.

Kajian yang dijalankan ke atas aspek kewangan kerajaan tempatan di MPKT memperlihatkan terdapatnya peningkatan dalam jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilakukan oleh MPKT dari setahun ke setahun.

Sepanjang tahun-tahun kajian juga didapati MPKT memperoleh kurangan di dalam perbelanjaan mereka. Dari segi nilai, Kurangan tersebut juga memperlihatkan peningkatan dari tahun 1994 hingga 1997. Walau bagaimanapun adalah dianggarkan terdapat sedikit penurunan di dalam Kurangan perbelanjaan MPKT pada tahun anggaran 1998. Rujuk Gambarajah 42 di sebelah.


Gambarajah 42: Pendapatan, Perbelanjaan Dan Kurangan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu Dari Tahun 1994 Hingga 1997 Dan Anggaran Tahun 1998



Sumber: Jabatan Kewangan, MPKT.

Manakala kajian yang dijalankan di MDB memperlihatkan pola yang berbeza. Pendapatan yang diterima oleh Majlis adalah turun-naik di sepanjang tahun-tahun kajian. Ia menunjukkan berlakunya penurunan pada tahun 1995 kemudian meningkat semula pada tahun 1996 dan menurun semula pada tahun 1997 sebelum dianggarkan akan mengalami peningkatan pada tahun anggaran 1998.

Bagi komponen perbelanjaan MDB, hasil kajian menunjukkan terdapatnya pola turun-naik iaitu menurun pada tahun 1995 kemudian meningkat pada tahun 1996 sebelum menurun semula pada tahun 1997 dan adalah dianggarkan meningkat semula bagi tahun anggaran 1998. Lihat Gambarajah



Sumber Bahagian Kewangan, MDB.

Gambarajah 43 di atas juga menunjukkan terdapat lebih perbelanjaan pada tahun 1995 di MDB.

Hasil kajian memperlihatkan di sesebuah kerajaan tempatan yang besar terdapat jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang lebih stabil. Walau

3. **Pengumpulan data-data kewangan** mengenai maklumat pihak berkuasa tempatan. -

Pihak berkuasa tempatan MPKT dan MDB disarankan supaya lebih aktif dan serius dalam menyediakan pengumpulan data dalam bentuk majalah atau dibukukan. Data yang tepat dan lebih teratur akan menolong pihak berkuasa tempatan dalam menjalankan dan menilai sesuatu projek. Dengan cara yang lebih sistematik ia adalah bertujuan supaya ramalan dan perancangan yang dilakukan akan lebih tepat.

Pihak berkuasa tempatan juga haruslah lebih bersikap terbuka dan berterus terang dalam menyediakan data-data. Ini adalah kerana masalah kewangan pihak berkuasa tempatan adalah di tahap kronik dan bukan menjadi rahsia lagi. Pengumpulan dan penganalisan data boleh dilakukan dengan pertolongan pihak-pihak tertentu contohnya khidmat pakar-pakar dalam bidang kerajaan tempatan dari institusi pengajian tinggi ataupun berkerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa di peringkat negeri atau persekutuan.

4. **Penyediaan kemudahan asas** yang bukan berimej mewah.

Pihak berkuasa tempatan terutama yang bersaiz kecil seperti MDB haruslah menyediakan jenis perkhidmatan dan barangan yang mampu dinikmati oleh penduduk di kawasannya. Oleh kerana peratusan kemiskinan yang tinggi, kemudahan dan perkhidmatan tidak harus berimej mewah, apa yang

penting pengguna dapat memanfaatkan kemudahan tersebut secara semaksima mungkin.

Bagi pihak berkuasa tempatan yang bersaiz besar seperti MPKT pula, imej koprat yang mahu diterapkan haruslah mendatangkan kesan kewangan yang baik. Ini adalah kerana beberapa langkah yang dijalankan seperti penswastaan boleh mendatangkan kesan kewangan yang buruk apabila pihak berkuasa tempatan kehilangan hasil atau kepakaran. Dalam jangka panjang langkah yang dikatakan dapat mengurangkan beban kewangan tersebut adalah merugikan.

5. Mengamalkan **Dasar berjimat-cermat**.

Tidak dapat dinafikan sikap kakitangan amat penting dalam melicinkan urusan pentadbiran. Para kakitangan disarankan mengamalkan dasar berjimat cermat. Dasar berjimat cermat ini dapat mengurangkan kos perbelanjaan di mana penekanan haruslah diberikan kepada mutu perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Dua perkara ini akan meninggalkan kesan yang positif dari segi kewangan kerajaan tempatan.

6. Mencari **sumber pendapatan lain**.

Pihak berkuasa tempatan juga disarankan memperluaskan kawasan tadbirannya. Misalnya MPKT dan MDB boleh mencari kawasan baru dan mengenalpasti sumber yang boleh diusahakan di kawasan baru tersebut.

komersial dan kebajikan pengguna apabila menswastakan sebahagian atau keseluruhan sesuatu fungsi pihak berkuasa tempatan.

G: Masa hadapan MPKT dan MDB.

Adalah sukar untuk meramalkan masa hadapan MPKT dan MDB kerana tiada data kajian yang menunjukkan boleh terjadinya perubahan yang ketara ke arah perubahan aspek kewangan yang lebih kukuh dan mantap.

Ini berikutan dengan terdapatnya masalah-masalah kewangan yang sudah dianggap 'tradisi' bagi pihak kerajaan tempatan bukan sahaja di MPKT dan MDB malah di kebanyakan pihak berkuasa tempatan lain. Masalah yang paling besar dan dijangka akan terus berterusan ialah terdapatnya kurangan di dalam perbelanjaan yang dilakukan di kedua-dua pihak berkuasa tempatan pada tahun-tahun akan datang.

Namun begitu pada masa hadapan tidak dapat dinafikan akan terus berlaku pembangunan dan peningkatan dari segi penyediaan dan perkhidmatan yang diberikan. Ini adalah kerana teras objektif asal pihak berkuasa tempatan adalah untuk mengadakan penyediaan perkhidmatan dan barangan yang akan memberikan keuntungan dan kebajikan pengguna di kawasan mereka.

Oleh itu berlakunya kurangan dalam perbelanjaan tidak menghalang pertumbuhan dari segi penyediaan perkhidmatan yang bermutu atau pengembangan penyediaan perkhidmatan tersebut ke serata kawasan yang lebih luas.

Terdapat 'dilema' yang berat daripada had-had atau sekatan untuk pengembangan fungsi terutama di MDB. Dengan peratusan penduduk miskin yang tinggi, MDB contohnya akan sentiasa berhadapan dengan dilema antara mengejar keuntungan atau terus berobjektifkan kebajikan. Malah tidak keterlaluan untuk mengatakan kemajuan MDB bergantung kepada pencapaian kemajuan atau pembangunan sosiol-ekonomi penduduknya.

Sumber hasil MDB sangat bergantung kepada bantuan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Pada masa hadapan MDB akan sentiasa berharap kepada sumber tersebut selagi tiada perubahan yang pesat di dalam pembangunan ekonomi dan taraf hidup penduduk di kawasannya.

Perubahan positif yang berlaku ialah pertambahan kemudahan fizikal yang disediakan kepada orang ramai di kawasannya. Namun di sebalik pembangunan fizikal yang dapat dilihat, tersembunyinya masalah kewangan yang tenat di dalam organisasi. Dan keadaan ini diramalkan akan berterusan pada tahun-tahun akan datang.

Manakala kedudukan kewangan MPKT tidaklah sehebat mana walaupun mempunyai taraf pihak berkuasa tempatan yang lebih tinggi berbanding dengan MDB. Ini kerana walaupun berlaku peningkatan yang positif dalam hasil pendapatan, ia tetap diikuti oleh kurangan dalam perbelanjaannya. Oleh itu taraf Majlis Perbandaran yang diperolehi tidak berjaya membawa kemantapan kepada kedudukan kewangan pihak majlis. Kajian yang dijalankan tidak menunjukkan pada masa-masa akan datang pihak berkuasa MPKT akan muncul sebagai sebuah kerajaan tempatan yang mantap dari segi kewangan kerana kajian telah menunjukkan sentiasa berlaku kurangan di sepanjang tahun kajian bermula tahun 1994 hingga 1997 dan kurangan ini terus dijangka akan berlaku pada tahun 1998.

Namun begitu adalah diharapkan pihak berkuasa tempatan MDB dan MPKT akan mengalami perubahan yang positif dari segi kewangannya. Contohnya pergantungan kepada bantuan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan haruslah dikurangkan kerana pergantungan ini akan melemahkan pihak berkuasa tempatan dari segi membuat keputusan. Pihak MPKT dan MDB haruslah menyiapkan diri dengan memperbaiki prestasi dan kedudukan kewangannya untuk menghadapi dekad yang akan datang yang lebih mencabar.